

[EKONOMI > BERITA](#)



Malaysia Berpotensi Jadi Hab Latihan Serantau Bagi Kenderaan Elektrik

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Malaysia berpotensi menjadi hab latihan serantau untuk kenderaan elektrik, kata Ketua Pegawai Eksekutif Institut bagi Industri Permotoran (IMI) Steve Nash.

"Malaysia mempunyai potensi kukuh untuk menjadi hab latihan serantau utama bagi kenderaan elektrik kerana kami melihat ia berada jauh di depan berbanding yang lain dalam bidang penggunaan kenderaan elektrik di rantau ini," katanya.

Nash berkata demikian pada persidangan institut itu yang bertemakan 'Peningkatan Untuk Memenuhi Keperluan Industri' di sini hari ini.

Persidangan itu membincangkan persekitaran sektor kenderaan yang sudah berubah dan memerlukan syarikat kenderaan meningkatkan pengurusan modal insan bagi memenuhi teknologi yang lebih canggih dan keperluan pelanggan.

Beliau berkata bagi menampung permintaan kereta elektrik dan hibrid yang semakin meningkat, IMI yang berpangkalan di UK, menggesa penggiat industri permotoran supaya memberi penekanan kepada latihan kenderaan cekap tenaga (EEV).

"Kami sentiasa menjangka permintaan ke atas kenderaan elektrik atau hibrid akan terus meningkat berdasarkan kecanggihannya dari semasa ke semasa, susulan kesedaran awam yang semakin meningkat untuk kenderaan alternatif," kata Nash.

Beliau berkata IMI bekerja erat dengan kerajaan Malaysia sejak awal tahun lepas untuk memberikan sokongan latihan meliputi rangkaian kolej komuniti, memberi penekanan ke atas kenderaan elektrik dan hibrid, selaras dengan sasaran untuk menjadikan negara ini sebagai hab EEV serantau.

"Pusat Kolej Komuniti Kepala Batas untuk Kenderaan Hibrid dan Elektrik di Pulau Pinang dan Kolej Komuniti Pekan di Pahang adalah antara pusat yang diperakui IMI, yang memulakan proses melengkapkan juruteknik dengan kemahiran EEV baharu sejak tahun lepas," katanya.

Masa ini Malaysia mempunyai 264 juruteknik terlatih oleh EEV.

Nash berkata dengan sektor kenderaan elektrik bertambah matang, lebih ramai juruteknik dengan kemahiran EEV diperlukan kerana ia melibatkan bekerja dengan sistem elektrik voltan tinggi, dan kakitangan yang tidak berkelayakan yang cuba mengusahakan kenderaan ini akan menghadapi kesan yang boleh membawa maut.

-- BERNAMA